

KOLEKSI SOALAN
PERCUBAAN SPM
TASAWWUR ISLAM
TAHUN 2023

BAHAGIAN B

SOALAN 1

TERENGGANU
JOHOR
PAHANG
PERAK
SARAWAK

DISEDIAKAN OLEH:
CIKGU SITI NASRAH BINTI DAUD
SMK TEJA PUTRA, DUNGUN, TERENGGANU

TERENGGANU

- 1 (a) (i) Apakah maksud akidah? [2 markah]
(ii) Jelaskan kepentingan amalan akidah menurut Islam. [2 markah]
- (b)
- KUALA LUMPUR: Usaha kerajaan dalam melonjakkan ekonomi negara diteruskan melalui pemerkasaan sektor bioteknologi dengan penggubalan Dasar Bioteknologi Negara 2.0 selaras dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi menjelang 2030.*

Perdana Menteri berkata, pemerkasaan itu memberi tumpuan kepada tiga tunjang utama iaitu bioteknologi pertanian dan jaminan makanan; penjagaan kesihatan dan kesejahteraan serta bioteknologi perindustrian dan ekonomi kitaran.

Utusan Malaysia Online: 12 September 2022
- (i) Berdasarkan keratan akhbar di atas, nyatakan jenis ibadah yang bertepatan dengan pernyataan tersebut. [1 markah]
(ii) Pada pandangan anda, bagaimanakah bidang tersebut mampu memberi manfaat kepada masyarakat? [5 markah]
- (c)
- Membangunkan ekonomi umat Islam merupakan antara matlamat pemilikan harta.

Jelaskan **dua** matlamat pemilikan harta menurut Islam selain daripada di atas.
- [4 markah]
- Masyarakat hari ini yang terlalu memilih pekerjaan memberi kesan buruk kepada negara.
- (d) (i) Mengapakah Islam menuntut umatnya supaya bekerja?. [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** implikasi hidup tanpa pekerjaan. [4 markah]

JOHOR

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud ibadah dalam Islam. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** syarat dalam beribadah menurut syariat Islam [4 markah]
- (b)
- Remy mahu menunaikan solat dalam keadaan seluruh tangannya berbalut luka.
- Anda sebagai rakan mahu membantu Remy dalam melaksanakan ibadah solat. Bincangkan tindakan yang perlu anda lakukan untuk membantu Remy menunaikan solat. [6 markah]
- (c) (i) Senaraikan **dua** institusi kewangan Islam yang ada di Malaysia. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** kepentingan pelaksanaan muamalat Islam terhadap individu. [4 markah]
(iii) Terangkan langkah menggalakkan masyarakat bermuamalah dengan muamalah Islam. [2 markah]

PAHANG

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian iman dari segi istilah. [2 markah]

- (ii) Huraikan **satu** daripada rukun iman berikut : [2 markah]

- a. Beriman kepada kitab.
- b. Beriman kepada Allah SWT.

- (b) Jelaskan **dua** kepentingan pelaksanaan amalan akidah mengikut syariat. [4 markah]

(c) (i) Nyatakan **dua** ciri pekerjaan dalam Islam

[2 markah]

(ii) Terangkan **dua** keburukan pekerjaan haram kepada masyarakat.

[4 markah]



- (d) Jelaskan kesan yang akan berlaku sekiranya seseorang pelajar itu sering ponteng sekolah. [6 markah]

PERAK

- 1 (a) i. Apakah maksud Islam sebagai al-din [2 markah]

- ii. Zakat merupakan ibadah dengan cara mengeluarkan harta tertentu pada kadar tertentu dengan syarat tertentu.
Senaraikan **dua** jenis zakat. [2 markah]

- (b) i. Ahmad sering bangun pagi setelah matahari telah tinggi kerana keletihan bekerja pada waktu malam.
Nyatakan **dua** kesalahan yang Ahmad telah lakukan sebagai seorang muslim. [2 markah]

- ii. Ramalkan keadaan yang akan berlaku jika sikap seperti ini berterusan dalam diri Ahmad sebagai seorang muslim.. [4 markah]

- (c) i. Jelaskan **dua** matlamat pemilikan harta menurut Islam. [4 markah]

ii. Senaraikan **dua** jenis pemilikan harta.

[2 markah]

(d) Terangkan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam.

[4 markah]

SARAWAK

“ Islam ialah agama yang datang daripada Allah SWT untuk seluruh manusia”

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Islam sebagai al-Din. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** sebab manusia memerlukan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna. [4 markah]
- (iii) Senaraikan **empat** rukun Iman sebagaimana yang termaktub dalam “Hadis Jibril”. [4 markah]

(b)

Pengangguran merupakan isu ekonomi yang boleh menjejaskan keharmonian hidup bermasyarakat

- (i) Berdasarkan pernyataan di atas , huraikan dua kaedah Islam dalam menyelesaikan isu pengangguran. [4 markah]



Berdasarkan gambar pengemis yang sedang meminta sedekah , bagaimanakah isu tersebut dapat diselesaikan ? Berikan hujjah anda. [6 markah]

PANDUAN PENSKORAN SOALAN 1

TERENGGANU

1	(a)	(i)	Maksud Akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat- sifat kesempurnaan Allah SWT(1m) berdasarkan dalil naqli dan dalil aqli.(1m)	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Kepentingan amalan akidah menurut Islam ialah: - Syarat utama amalan diterima oleh Allah SWT(1m) kerana menjauhi syirik.(1m) - Benteng daripada perkara syirik, khurafat dan bidaah(1m) kerana membawa kepada kerosakan iman.(1m) - Tunjang kekuatan umat Islam(1m) kerana berpegang kepada asas keimanan yang sama.(1m) - Beroleh rahmat/ keberkatan daripada Allah SWT (1m) kerana mempunyai keyakinan yang teguh kepada Allah SWT.(1m) - Membentuk jati diri(1m) sebagai muslim sejati(1m) - Penentu kebahagiaan seseorang muslim (1m) sama ada di dunia mahupun di akhirat.(1m)	1 isi x 2m =2 markah
	(b)	(i)	Jenis ibadah yang bersesuaian dengan petikan berita tersebut ialah: Ibadah umum	1 isi x 1m 1 markah
		(ii)	Bidang tersebut mampu memberi manfaat kepada masyarakat melalui kemudahan menyediakan bekalan makanan(F/1M) yang berkualiti kepada masyarakat. (H1/1M) Ini membawa kepada bekalan makanan yang mencukupi(H2/1M). Impaknya masyarakat akan mempunyai banyak pilihan(H3/1M) dalam menentukan kualiti makanan harian mereka.(H4/1M) Oleh itu kita hendaklah melibatkan diri dalam aktiviti yang memberi manfaat kepada manusia lain agar hidup mendapat keberkatan daripada Allah SWT. (K/1M) Pilihan Jawapan: - Melahirkan masyarakat yang berinovasi. - Melahirkan masyarakat yang berilmu dan berkemahiran. - Menikmati kepelbagaian produk pertanian dan kesihatan.	F=1M H1=1M H2=1M H3=1M K=1M
	(c)		Dua matlamat pemilikan harta menurut Islam selain daripada di atas ialah; ■ Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT(1m) kerana menurut peraturan syariat.1m) ■ Menjamin keselamatan hidup(1m) di dunia dan di akhirat. (1m) ■ Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman(1m) seperti mencuri. (1m)	2 isi x 2 m =4 markah

	(d)	(i)	Islam menuntut umatnya supaya bekerja ialah kerana; ■ Merupakan ibadah (1m) yang diberi pahala.(1m) ■ Memudahkan umatnya menunaikan ibadah (1m) seperti berzakat. (1m) ■ Memenuhi keperluan hidup (1m) seperti makanan dan tempat tinggal. (1m) ■ Mendapat penghormatan daripada masyarakat (1m) kerana mempunyai sikap tanggungjawab. (1m) ■ Memperoleh keberkatan daripada Allah SWT (1m) kerana melaksanakan ibadah fardu ain. (1m)	2 isi x 2m =4 markah
		(ii)	Dua implikasi hidup tanpa pekerjaan ▪ Jiwa resah (1m) kerana mengalami kesempitan wang. (1m) ▪ Dibenci masyarakat (1m) kerana sering meminta-minta. (1m) ▪ Berlaku masalah sosial (1m) seperti budaya melepak. (1m) ▪ Berlaku masalah jenayah (1m) seperti mencuri. (1m) ▪ Merugikan tenaga kerja (1m) yang menyebabkan ekonomi merosot. (1m) ▪ Ekonomi negara merosot (1m) disebabkan hilang sumber pendapatan. (1m)	1 isi x 2m =2 markah

JOHOR

1	(a) (i)	Maksud ibadah dalam Islam ialah	[2 markah]
		- Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepada Allah SWT.	
	(ii)	Dua syarat dalam beribadah menurut Islam	[4 markah]
		-Ikhlas: ibadah dilakukan hanya kerana Allah SWT semata-mata dan mengharap keredaan-Nya. -Ittiba' as-Sunnah: mengikut sunnah iaitu sebagaimana yang disyariatkan oleh Allah SWT dan rasul-Nya.	
	(b)	Tindakan yg boleh saya lakukan untuk membantu remy menunaikan solat ialah	[6 markah]
		Contoh jawapan - Saya akan membantu Remy bertayamum(1m) bagi menggantikan wudhu (1m) kerana bertayamum adalah rukhsah/kelonggaran dalam Islam.(1m) Ini menyebabkan Remy lebih yakin untuk menunaikan solat.(1m) Kesannya solat Remy terpelihara.(1m) Oleh itu, kita hendaklah menunaikan solat walau apa keadaan sekalipun agar diberkati Allah.(1m)	(isi + h1 + h2+h3+h4+ kesimpulan)
	(c) (i)	Dua institusi kewangan Islam yang ada di Malaysia ialah	[2 markah]
		- Perbankan Islam - Tabung Haji - Takaful (Insurans Islam) - Zakat - Wakaf - Baitulmal	
	(ii)	Kepentingan pelaksanaan muamalat Islam terhadap individu ialah	[4 markah]
		- Mendapat manfaat dari sudut ganjaran pahala kerana bermuamalat secara Islam. - Memperoleh jaminan keadilan dalam sistem kewangan Islam.	
	(iii)	Langkah menggalakkan masyarakat bermuamalah dengan muamalah Islam.	[2 markah]
		- Memberikan penerangan melalui media massa supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat dengan muamalat Islam. - Mengedarkan risalah berkaitan bermuamalah dengan cara muamalah Islam agar dapat menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam.	

PAHANG

1.	(a)	(i)	Membenarkan dengan hati / berikrar dengan lisan / lidah / beramal dengan anggota badan (1m) terhadap segala perintah / suruhan Allah SWT. (1m)	(2 isi x 1 m)
		(ii)	◆ Yakin / percaya bahawa Allah SWT menurunkan kitab-kitab kepada para rasul-Nya (1m) sebagai panduan hidup manusia. (1m) ◆ Yakin / percaya kewujudan Allah SWT (1m) serta menunaikan segala perintah-Nya / meninggalkan segala larangan-Nya. (1m)	(2 isi x 1 m)
	(b)		◆ Membentuk jati diri (1m) sebagai muslim sejati. (1m) ◆ Syarat utama amalan diterima (1m) oleh Allah SWT. (1m) ◆ Tunjang kekuatan umat Islam (1m) dalam kehidupan. (1m) ◆ Penentu kebahagiaan hidup (1m) di dunia dan akhirat. (1m) ◆ Beroleh rahmat / keberkatan (1m) daripada Allah SWT. (1m) ◆ Benteng daripada perkara syirik / khurafat / bidaah (1m) supaya akidah terpelihara. (1m)	(2 isi x 2 m)
	(c)	(i)	◆ Patuh syariah. ◆ Pekerjaan yang halal. ◆ Menjaga ketenteraman awam. ◆ Mengambil berat tentang ibadah. ◆ Memastikan keselamatan diri / orang lain / dan orang lain.	(2 isi x 1 m)
		(ii)	◆ Masyarakat huru hara (1m) kerana dilaknati oleh Allah SWT. (1m). ◆ Masyarakat mundur (1m) kerana kegiatan ekonomi dicemari unsur negatif. (1m)	(2 isi x 2 m)
	(d)		Contoh jawapan :- Ketinggalan dalam pelajaran (1F) kerana tidak dapat mendengar pengajaran guru (H1) mengikut jadual yang ditetapkan. (H2) Kesannya tidak mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan (H3). Kesimpulannya, seseorang pelajar perlu masuk ke kelas mengikut masa yang ditetapkan (H4) supaya murid dapat memahami pelajaran yang diajar. (H5) Jawapan munasabah diterima.	

PERAK

1	(a)	i	Al-din bermaksud cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah,ibadah dan akhlak (1m)	2 markah										
		ii	• Zakat harta (1m) • Zakat fitrah (1m)	2 isi x 1 M = 2 Markah										
	(b)	i	• Meninggakan solat subuh (2 m) • Solat diluar waktu (2 m) • Meremehkan ibadah wajib (2 m)	1 Isi x 2 M 2 markah										
		ii	Rubrik Penskoran <table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu pandangan (F)</td><td>1M</td></tr><tr><td>Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)</td><td>2M</td></tr><tr><td>Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)</td><td>3M</td></tr><tr><td>Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas</td><td>4M</td></tr></table> Cadangan isi • Dimurkai Allah/ jauh dari rahmat Allah/mendapat dosa • Jiwa resah • Dihina oleh mesyarakat sekeliling • Rezeki tidak berkat • Menjatuhkan imej Islam.	Kriteria	Skor	Menyatakan satu pandangan (F)	1M	Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)	2M	Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)	3M	Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas	4M	4 markah
Kriteria	Skor													
Menyatakan satu pandangan (F)	1M													
Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)	2M													
Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)	3M													
Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas	4M													
	(c)	i	• Mendapat keberkatan dan rahmat Allah (1m) kerana menurut peraturan syariat (1m) • Menjamin keselamatan hidup (1m)di dunia dan di akhirat.(1m) • Membangunkan ekonomi umat Islam (1m) agar Islam dipandang tinggi (1m) • Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman (1m) seperti rasuah.(1m).	2 Isi x 2 M 4 markah Isi + Huraian										
		ii	• Hak milik individu (1m) • Hak milik umum (1m) • Hak milik negara (1m)	2 Isi x 1 M= 2 markah										
	(d)		• Sistem yang lengkap dan menyeluruh (1m) berpandukan ajaran dan wahyu Allah (1m) • Bermotifkan kesejahteraan hidup (1m) di dunia dan di akhirat (1m) • Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dan akidah Islam (1m) iaitu mentauhidkan Allah. • Berteraskan nilai dan akhlak Islam (1m) seperti amanah • Memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas (1m) daruriyyat dan hajiyyat (1m) berbanding barangan mewah tahsiniyyah (1m)	2 Isi x 2 M 4 markah Isi + Huraian										

SARAWAK

1	(a)	(i)	<u>Maksud Islam sebagai</u> ad-Din Islam adalah agama yang lengkap, yang merangkumi setiap aspek kehidupan manusia seperti akidah, ibadah dan akhlak.	[1 Isi X 2 m] [2 markah]
		(ii)	<u>Sebab manusia memerlukan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna</u> 1. Memandu arah hidup manusia kejalan yang benar 2. Jalan menuju kebahagiaan di dunia dan di akhirat Mana-mana jawapan yang munasabah di terima	1 Isi 1 Huraian 1 Isi 1 Huraian [4 markah]
		(iii)	<u>4 rukun Iman</u> 1. Beriman kepada Allah SWT 2. Beriman kepada Malaikat 3. Beriman kepada Kitab-Kitab-Nya 4. Beriman kepada Nabi dan Rasul 5. Beriman kepada hari Akhirat 6. Beriman kepada Qadak dan Qadar	4 Isi X 4 m [4 markah]
	(b)	(i)	- Menggalakkan umat Islam berusaha dengan bekerja kerana ia merupakan suatu ibadah untuk memenuhi keperluan asasi - Mengiktiraf pemilikan harta daripada usaha yang halal supaya manusia menikmati kehidupan dengan gembira.	[2 Isi X 2m] [4 markah]
		(ii)	Kita hendaklah melaporkan situasi tersebut kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Kebajikan Masyarakat Tempatan. Hal ini yang demikian dapat mengatasi lambakan peminta sedekah yang mengambil kesempatan atas simpati orang ramai tanpa berusaha untuk bekerja. Contohnya memberi kemahiran kraftangan kepada mereka untuk berdikari. Kesannya mereka boleh menambah pendapatan sendiri. Kesimpulannya kita hendaklah prihatin kepada masyarakat sekeliling agar keharmonian hidup dapat dinikmati bersama.	Isi + Huraian1 + Huraian 2 + Huraian 3 + Huraian 4 + Kesimpulan, [6 Markah]